

03 APR 2002  
Musa-Unggul  
MUSA MASIH UNGGUL

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 3 April (Bernama) -- Tan Sri Musa Hitam, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), masih mampu menarik ramai penonton dan membuatkan mereka ketawa dengan jenakanya yang mencuit hati pada satu persidangan mengenai Malaysia di sini pada Selasa.

Musa, yang akan meninggalkan Suhakam pada 24 April selepas dua tahun menerajui badan itu, berkata beliau masih belum membuat sebarang perancangan dalam waktu terdekat ini.

Peserta persidangan itu yang merupakan campuran ahli akademik, pegawai kerajaan dan eksekutif perniagaan Malaysia dan Amerika, ketawa terbahak-bahak semasa Musa meminta agar beliau dirujuk sebagai "Bekas Timbalan Perdana Menteri 1".

Beliau berkata "terdapat ramai daripada kita sekarang ini hingga membolehkan kita menubuhkan satu kelab -- dengan saya sebagai pengerusi," katanya secara berjenaka.

Beliau berkata mungkin terdapat lebih ramai lagi. Bekas Timbalan Perdana Menteri lain di bawah Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad ialah Tun Ghaffar Baba dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Semasa pengerusi persidangan itu Prof Datuk Dr Zakaria Ahmad memuji wajahnya yang tampak lebih muda daripada usianya, dan memberitahu Musa yang beliau berharap untuk kelihatan muda sepertinya, Musa berkata beliau mahu lebih baik lagi: "Saya berharap untuk menjadi seperti beliau (bermaksud Dr Mahathir) apabila saya mencecah umur beliau."

Musa berumur dalam lingkungan 60an manakala Dr Mahathir menyambut ulangtahun ke-76 pada 20 Dis lepas.

Dalam ucap tama pada persidangan yang dianjurkan oleh Universiti Ohio di Kedutaan Malaysia, Musa berkata sementara beliau merupakan seorang yang lantang mengkritik Dr Mahathir, yang beliau anggap sebagai "kawan baik", Malaysia di bawah kepimpinan Dr Mahathir sekarang telah memainkan peranan penting di Asia Tenggara dan dunia.

Beliau berkata di bawah Dr Mahathir, pentadbiran demokrasi telah diamalkan "dengan segala kelemahan dan kekurangannya".

Rakyat Malaysia juga kelihatan lebih sedar akan identiti mereka sebagai warganegara Malaysia dan bangga menjadi rakyat Malaysia, katanya.

Beliau menyampaikan ucapan yang komprehensif mengenai program-program Malaysia bagi perpaduan negara dan cabaran-cabaran akan datang.

"Malaysia di Abad Ke-21" menjadi tema persidangan dua hari itu yang diadakan sempena sambutan 20 tahun "Tun Abdul Razak Distinguished Chair" di Universiti Ohio.

-- BERNAMA  
SH AHH RHM